

NOOR Azlan (dua dari kiri) berkata sesuatu kepada pelajar Permata Pintar UKM yang mendapat keputusan 9A pada SPM 2015.



Oleh Mohd Nasif Badruddin
mnasif@hmetro.com.my
Bangi

4 strategi jana pendapatan UKM

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merangka empat strategi untuk menjana pendapatan sendiri menggunakan aset dan kepakaran dimilikinya ke arah menjadi Universiti Awam (UA) yang lebih kompetitif serta berdaya saing.

Naib Canselornya Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali berkata, pihaknya tidak menghadapi masalah untuk menjana pendapatan sendiri bagi membiayai 25 peratus perbelanjaan menguruskan universiti.

"Sebenarnya universiti ada banyak program bernilai tinggi yang dapat menjana pendapatan umpamanya kita universiti terkemuka yang boleh menyediakan kursus berkualiti dan mengenakan yuran kompetitif untuk program sarjana dan doktor falsafah seperti dibenarkan kerajaan berbanding program ijazah pertama.

"Kita juga ada kepakaran

■ Guna aset, kepakaran ke arah lebih kompetitif

yang boleh digunakan seperti hospital dan anak syarikat untuk menjadi perunding atau penasihat dalam bidang tertentu seperti alam sekitar dan ekonomi sekaligus menjana pendapatan," katanya dalam sidang media Showcase Kejayaan Pelajar Kolej Permata Pintar di Auditorium Pusat Permata Pintar, UKM, di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UKM Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal dan Pengarah Pusat Permata Pintar Prof Datuk Dr Noriah Ishak.

Noor Azlan berkata, pihaknya akan mengoptimalkan prasarana yang ada umpamanya padang antara yang terbaik di negara ini dan setiap minggu penuh, malah memiliki stadium kriket bertaraf Olimpik serta diiktiraf ramai kerana pelajarannya juga menjadi jaguh dalam sukan itu.

Katanya, UKM juga akan menggunakan aset yang ada untuk orang ramai membuat penyelidikan seperti hutan pendidikan alam dan penyewaan aset lain serta memaksimumkan perkara yang boleh menambah pen-

apatan.

Mengulas mengenai Program Permata Pintar, beliau berkata, banyak kejayaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dicapai pelajarannya sekali gus membuktikan keberkesanan program yang bermula sejak 2009.

"Daripada 116 pelajar program kohort pertama Program Pendidikan Menengah Permata Pintar, 15 orang berjaya menamatkan pendidikan lebih awal daripada pelajar lain dan melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah di universiti luar negara," katanya.